

21/12/2011

Nenek syabu

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

IPOH: Rahsia kehidupan mewah wanita warga emas berusia 73 tahun bersama anak lelakinya berusia 43 tahun terbongkar apabila serbuan polis di kediaman dua beranak itu menemui dadah jenis syabu bernilai lebih setengah juta ringgit.

Difahamkan, rumah teres setingkat di Ampang Baru, New Village milik dua beranak itu dijadikan markas pengedaran serta pusat pembungkusan dadah dipercayai untuk pasaran tempatan dan luar negara sejak tiga bulan lalu.

Dalam serbuan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri jam 10 pagi pada Khamis lalu itu, polis menemui syabu seberat 3.64 kilogram dalam bilik di rumah berkenaan.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Shukri Dahlan berkata, selain syabu, pihaknya menyita dan merampas harta milik dua beranak berkenaan bernilai RM273,000 termasuk wang tunai RM110,000, kereta, jam tangan mewah jenama Rolex dan RM95,000 dalam akaun.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan menemui satu bungkusan dibalut dengan kertas pembalut hadiah yang mengandungi serbuk kristal disyaki syabu.